

# UNSUR NEGATIF DALAM DI MANAKAH KESUDAHANNYA?

Sejak kebelakangan ini, kita sering dikejutkan dengan pelbagai paparan berita dalam media cetak dan televisyen yang melaporkan jenayah berat, iaitu kes pembunuhan, penderaan, mencabul kehormatan, isu buli di sekolah dan universiti, jenayah pencabulan seksual, pemerdagangan manusia, vandalisme dan keganasan rumah tangga yang kian meruncing berlaku dalam kalangan masyarakat.


PARISAN POLIS  
PARISAN POLIS  
PARISAN POLIS

# MEDIA

**M**edia massa ditakrifkan sebagai perantara komunikasi perhubungan yang terdiri daripada media elektronik, iaitu radio, televisyen; media cetak yang bercirikan akhbar dan majalah; media baharu, iaitu Internet; serta yang bercorak aplikasi digital. Televisyen merupakan medium informasi dan hiburan yang pastinya dimiliki dalam setiap rumah.

Pada abad ke-21, Malaysia meniti era globalisasi dan revolusi pendigitalan, sekali gus memberikan anjakan paradigma yang berteraskan sasaran penonton program dan kepopularan sesuatu program yang ditayangkan. Justeru, kita bukan sahaja dapat mengakses saluran sedia ada, malah turut diberikan pilihan dengan pelbagai siaran digital satelit yang dilanggan atau saluran menerusi jalur lebar yang boleh diakses melalui jaringan Wi-Fi.

Pada kebiasaannya, kebanyakan saluran televisyen konvensional mahupun digital berlumba-lumba dalam menyiarkan rancangan drama rantaian atau filem tempatan yang mengandungi elemen keganasan fizikal, kerakusan dan unsur erotik sebagai tarikan jiwa, minda dan hati penonton. Adakah dengan memberikan alasan klise dengan menyatakan hal tersebut sebagai pemaparan realiti kehidupan demi memenuhi selera penonton dan hanya sebagai hiburan semata-mata? Hal ini demikian kerana paparan tersebut seolah-olah memberikan kebenaran atau tiket kepada karyawan seni dengan sewenang-wenangnya memaparkan ideologi negatif dan songsang kepada masyarakat umum tanpa memikirkan natijahnya.



**Pemaparan program sama ada melalui drama rantaian atau filem tempatan melalui saluran televisyen akan memberikan kesan terhadap pembentukan peribadi dan sahsiah masyarakat.**

Para karyawan di Malaysia perlu cakna, bersikap jujur dan berfikir secara rasional sebelum menyiarkan kandungan negatif agar tidak menerima cemuhan pada kemudian hari. Menormalkan hal sedemikian secara membuta tuli dengan mengikut acuan Barat tidak boleh diterima sama sekali. Hal ini dikatakan demikian kerana perlu diingatkan bahawa penonton tidak hanya terdiri daripada golongan dewasa semata-mata, malah turut melibatkan golongan muda, belia, remaja dan kanak-kanak yang mudah terpengaruh dengan unsur negatif yang dipaparkan dalam kaca televisyen.

Ironinya, pemaparan elemen sedemikian boleh mempengaruhi psikologi, pemikiran, jiwa dan emosi masyarakat secara tidak langsung jika kerap disiarkan kepada masyarakat. Teori Pemupukan daripada penyelidik George Gerbner menerangkan tentang kesan penggunaan media jika kerap ditonton, penonton akan menganggap bahawa realiti hidup di dunia adalah sama seperti yang digambarkan di dalam media. Hal ini boleh mempengaruhi minda dan emosi penonton tanpa sedar. Ada kalanya, pemaparan visual, perlakuan lisan, fizikal dan kaedah untuk melakukan jenayah dipertontonkan sepenuhnya melalui saluran televisyen tanpa adanya tapisan sebagai ramuan pelaris bagi mendapatkan penarafan yang tinggi.

Dengan erti kata lain, pemaparan program sama ada melalui drama rantaian atau filem tempatan melalui saluran televisyen akan memberikan kesan terhadap pembentukan peribadi dan sahsiah masyarakat. Tidak mustahil, kebejatan akhlak seseorang terjadi akibat daripada pemaparan atau pengaruh bahan tontonan sebagai sumber untuk mempelajari sesuatu dan kemudiannya, diamalkan dalam kehidupan seharian.


Sebagai contoh, remaja wanita menggugurkan kandungannya akibat daripada perlakuan bebas dan perbuatan itu ditiru daripada adegan berahi yang mungkin ditonton dalam sebuah rancangan televisyen. Contoh yang lain, perlakuan gengsterisme yang berlaku di sekolah atau universiti mencerminkan kesan terhadap pelajar yang mudah terikut-ikut dengan aksi atau perlakuan agresif yang ditonjolkan secara terang lagi bersuluh dalam babak pertarungan melalui filem tempatan. Betapa ceteknya akal, rosaknya maruah dan iman setipis kulit bawang kesan akibat menonton rancangan

yang keterlaluan sehingga membawa kepada perlakuan dan pengaruh negatif.

### Media sebagai Propaganda Penyebaran Pengaruh Negatif?

Pengamal media, pengarah dan produser perlu tahu akan tanggungjawab dan objektif menghasilkan sesuatu karya drama atau filem tempatan untuk tontonan masyarakat. Secara harfiahnya, televisyen merupakan medium untuk mendidik rakyat dengan program yang berkualiti dan membina minda orang awam dengan nilai murni bagi membentuk peradaban manusia yang bermoral.

Melalui kajian Teori Pembelajaran Sosial Bandura, Albert Bandura menyatakan bahawa pembelajaran melalui pemerhatian merupakan asas tingkah laku manusia. Oleh hal yang demikian, pemaparan terhadap tingkah laku manusia secara tidak langsung boleh mempengaruhi seseorang untuk meniru perbuatan tersebut, sama ada positif atau negatif. Dalam hal ini, usah perjudikan kesan pemaparan keganasan yang melampau kepada penonton kerana adegan itu boleh mempengaruhi minda dan hati seseorang jika mereka sentiasa didedahkan kandungan cerita yang berunsur negatif sehingga menyebabkan keruntuhan akhlak dan sosial.



Adegan dalam filem atau drama boleh mempengaruhi seseorang untuk meniru perbuatan sama ada positif atau negatif.

Terdapat segelintir pengarah atau produser drama tempatan tanpa segan silu menghidangkan adegan romantik, babak ranjang yang jelas bertentangan dengan adat ketimuran, pemaparan gaya hidup bebas berpaksikan Barat, pemakaian yang mencolok mata, materialistik, dialog dan menggunakan laras bahasa yang kasar, serta perlakuan ganas yang bukan sahaja boleh mengganggu minda dan pemikiran, malah turut mempengaruhi kehidupan seharian.

Bagi insan seni, "tepek dada, tanyalah hati." Apakah yang anda perjuangkan? Adakah suatu kepuasan berkarya dengan menyiarkan mesej yang negatif kepada masyarakat? Adakah mereka berkarya semata-mata untuk meraih keuntungan tanpa memikirkan impaknya? Atau adakah mereka berniat untuk menunaikan tanggungjawab sosial dengan menyampaikan mesej yang baik melalui karya agung yang mahal kualitasnya kepada masyarakat?

Sudah tiba masanya, golongan karyawan seni ini perlu bertanya kepada



**Pengamal media bertanggungjawab untuk menyediakan kandungan yang wajar, bukannya semata-mata hanya mengejar populariti.**

diri sendiri tentang konsep dan budaya yang jelas bertentangan dengan nilai masyarakat Malaysia yang wajar ditonton tanpa memikirkan kesan yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak jika tidak dibendung.

Sesungguhnya, mencegah itu lebih baik daripada merawat.

Mereka tidak boleh berlindung di sebalik dogma atau fahaman liberalisme, iaitu mempertahankan

pendirian kebebasan atau keterbukaan dengan berkarya tanpa memikirkan kesan jangka panjang kepada penonton yang mendiami Islam sebagai agama rasmi. Persoalannya, adakah wajar program sedemikian dipaparkan secara bebas tanpa ada sekatan atau suntingan kerana rata-rata penonton yang melihat kandungan ini terdiri daripada kanak-kanak, remaja dan belia yang menjadi pelapis negara pada masa hadapan?

Dalam berkarya pihak berkenaan hendaklah peka dan bertanggungjawab. Jangan pula bersikap semberono sahaja. Mereka perlu mengemukakan garis panduan tertentu. Dalam hal ini; niat tidak

**Pengamal media atau karyawan seni perlu bertanggungjawab dan jangan hanya kerana mengejar populariti kandungan dan objektif program yang dihasilkan diketepikan.**

menghalalkan cara dan jika tidak dikawal hal ini boleh menjadi barah kepada pembentukan budaya masyarakat. Pepatah Melayu ada mengatakan bahawa "kerana nila setitik, rosak susu sebelanga".

Perbuatan yang menyalahi etika dengan menyalurkan mesej negatif ini perlu dicegah agar tidak berleluasa sehingga mengganggu impak yang besar kepada masyarakat. Malahan, usaha ini selaras dengan mendukung rukun Malaysia MADANI yang digariskan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang menekankan prinsip kemampanan, iaitu membina institusi keluarga, masyarakat yang mampan, beretika, ihsan, saling hormat-menghormati serta sejahtera minda dan emosinya.

Pada hakikatnya, pengamal media atau karyawan seni perlu bertanggungjawab dan jangan hanya kerana mengejar populariti, kandungan dan objektif program yang dihasilkan diketepikan. Inti pati program baik drama atau filem tempatan perlu berkualiti, diteliti terlebih dahulu akan motif kandungannya, seperti memberikan manfaat, mendidik masyarakat kepada pembangunan minda, santapan kerohanian, kesedaran penonton serta memupuk keharmonian keluarga dengan mengeratkan hubungan, ukhuwah silaturahim, bukannya bertindak merosakkan institusi kekeluargaan, memecahbelahkan khalayak umum dengan karya picisan, adegan keganasan, skandal, keruntuhan rumah tangga, eksploitasi dan kelucuan yang tidak bermoral.

## Penyelesaian Menangani Kebejatan Sosial

Kerajaan menerusi Kementerian Komunikasi Malaysia perlu bersikap telus dan tegas dalam menetapkan dasar atau garis panduan yang seimbang kepada semua pengamal media dan karyawan seni agar akurat dan patuh dengan arahan. Penekatan program yang disiarkan perlu berunsurkan mesej yang positif, bebas daripada elemen sensitif yang bercanggah dengan pengaruh Barat, ideologi songsang, menghindari cabak kelucuhan dan membina minda masyarakat dengan mengangkat ikhwah, keharmonian dengan menyerapkan peradaban, nilai murni, kekeluargaan, menyemai kasih sayang dan sifat ihsan dalam kalangan penonton.

Pihak berkuasa seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM) dan Lembaga Penapisan Filem (FINAS) perlu mengambil peranan dan tindakan yang setimpal dengan mengawal dan membanteras penyebaran pengaruh negatif dalam drama rantaian atau lembaran tempatan.

Di samping itu, pelaksanaan undang-undang atau hukuman yang sewajarnya perlu dilaksanakan tanpa culas kepada karyawan seni yang jika didapati menyalahgunakan tanggungjawab menghasilkan drama atau filem yang dikhuatiri bukan sahaja oleh mencetuskan kontroversi, malah memberikan kesan negatif kepada masyarakat umum. Sebarang drama atau filem yang tidak mengikuti garis panduan atau piawaian perlu disekat tanpa ada sebarang hak kepentingan untuk disiarkan.

Selain itu, perlu adanya ketegasan dalam tindakan menapis atau



Ibu bapa perlu memantau program yang ditonton oleh anak-anak demi kemaslahatan masa depan.

menyunting adegan yang tidak sesuai seperti babak yang mengundang berahi, kelucuhan, perlakuan fizikal atau dialog lisan yang bertentangan dengan norma manusia yang boleh membawa pengaruh negatif kepada minda masyarakat yang menontonnya tanpa ada sekatan.

Karyawan juga perlu dididik dengan menekankan akauntabiliti mereka kepada masyarakat dengan mengadakan bengkel penghasilan drama atau filem yang berkualiti bagi membina pemikiran masyarakat agar lebih kritis, mendidik akal dengan pembinaan sahsiah melalui mesej yang baik, berpedoman dan memberikan perubahan kepada akhlak dan peribadi yang lebih baik, sejahtera minda dan emosi.

Para pelakon pula perlu berpendirian teguh dan berhak menolak adegan yang memberikan pengaruh negatif kepada minda dan jiwa masyarakat demi kebaikan bersama. Usah terjerat dengan tawaran bayaran yang tinggi hingga mengabaikan integriti. Semaikan tindakan dengan menggunakan akal dengan menghindarkan diri daripada melakukan babak lakonan negatif kerana menjadi tanggungjawab bersama demi mencorakkan masyarakat bertamadun.

Ibu bapa juga perlu memantau kandungan program yang ditonton oleh anak-anak mereka dan berfikir terbuka dengan menasihatkan mereka jika terdapat adegan yang berunsur negatif dan tidak patut diikuti oleh mereka demi kemaslahatan masa depan.

Tuntasnya, karyawan seni dan pengamal media seharusnya cakna terhadap permasalahan ini dengan menghentikan salah guna medium siaran bagi menyebarkan unsur negatif yang berbau keganasan, agresif dan seksual yang bercanggah. Jika pengaruh atau propaganda ini didapati berterusan, dikhuatiri ibu bapa akan menganggap televisyen sebagai perosak akhlak, mengancam institusi kekeluargaan serta tidak lagi diterima sebagai medium penyampaian ilmu yang bermanfaat.

Cabaran ini seharusnya disahut oleh karyawan seni dengan baik bagi membuktikan mereka juga merupakan agen pengubah rakyat dalam usaha membantu pembinaan akhlak, keperibadian dan sahsiah diri yang unggul melalui penyebaran mesej positif dalam karya yang bermutu kepada masyarakat demi peradaban manusia, sekali gus menyerlahkan sahsiah diri yang holistik. ■

**Ibu bapa juga perlu memantau kandungan program yang ditonton oleh anak-anak mereka dan berfikir terbuka dengan menasihatkan mereka jika terdapat adegan yang berunsur negatif dan tidak patut diikuti oleh mereka demi kemaslahatan masa hadapan.**